



HOSPITAL SULTAN ABDUL AZIZ SHAH  
Kod Dokumen: HSAAS/RADIO/SL05

**SLIP PERSEDIAAN PESAKIT  
Pemeriksaan *MAGNETIC RESONANCE IMAGING (MRI)***

	TARIKH TEMUJANJI : _____ MASA TEMUJANJI : _____ KEADAAN PESAKIT : <input type="checkbox"/> BERJALAN <input type="checkbox"/> BERKERUSI RODA <input type="checkbox"/> BERKATIL
--	---

Pemeriksaan Magnetic Resonance Imaging (*MRI*) adalah satu pemeriksaan yang menggunakan medan magnet dan gelombang radio untuk menghasilkan gambaran imej organ dan struktur dalam badan. Pemeriksaan ini tidak menggunakan radiasi (*X-ray*) dan tidak invasif.

**PERSEDIAAN SEBELUM PEMERIKSAAN**

Sila datang dengan pakaian yang ringkas seperti **blaus/kemeja berbutang & seluar sukan/longgar/sarung**. Ini memudahkan anda menukar pakaian sebelum pemeriksaan.  
Anda dibenarkan untuk mengambil ubat-ubatan harian seperti biasa (jika ada).

**PERHATIAN:**

- SILA BERITAHU JURU X-RAY JIKA ANDA SEDANG **MENGANDUNG ATAU DISYAKI MENGANDUNG**.
- **SEKIRANYA ANDA MENGALAMI MASALAH KERAP KENCING, SILA BAWA LAMPIN PAKAI BUANG SENDIRI UNTUK DIPAKAI SEMASA PEMERIKSAAN.**

**PEMERIKSAAN MRI BERKONTRAS**

**MRI bahagian Kardiak/Prostat/Sistem Neuro/Abdomen/Pelvis/Payudara/Muskuloskeletal**

Anda **PERLU** berpuasa 4-6 jam sebelum pemeriksaan ini.

1. Jika anda mempunyai sejarah alahan kepada makanan atau ubatan serta *asthma*, sila ikuti arahan pengambilan ubat berikut:  
12 Jam sebelum pemeriksaan - Prednisolone 40mg - 8 tablet  
2 Jam sebelum pemeriksaan - Prednisolone 40mg - 8 tablet
2. Perkara berikut telah diuruskan oleh klinik/Wad yang memohon
  - Renal Profile/Ujian makmal (klinik perlu memastikan ujian darah (RP) diselesaikan selewat-lewatnya satu minggu sebelum pemeriksaan)
  - Borang keizinan pemberian media kontras
  - Borang keizinan pemeriksaan MRI pesakit dengan Implant

**3. Persediaan KHAS**

**MRCP - Anda perlu berpuasa selama 12 jam sebelum pemeriksaan ini.**

## PEMERIKSAAN MRI TIDAK BERKONTRAS

### MRI MSK (*kecederaan sukan / trauma*)

1. Anda **TIDAK PERLU** berpuasa untuk pemeriksaan ini.

### PADA HARI PEMERIKSAAN


1. Persediaan anda akan disemak merujuk kepada senarai semak yang diberikan semasa temujanji. Pemeriksaan anda berkemungkinan akan ditunda ke satu tarikh lain sekiranya arahan persediaan tidak dipatuhi.

### SEMASA PEMERIKSAAN

1. Anda akan diminta untuk baring di atas meja pemeriksaan dan anda diposisikan mengikut jenis imbasan.
2. Meja pemeriksaan akan bergerak dan anda mungkin mendengar bunyi bising mesin semasa pemeriksaan. Diharap anda tidak bergerak dan bimbang.

### SELEPAS PEMERIKSAAN

1. Anda mungkin akan berada di Jabatan Radiologi selama 45-90 minit di sepanjang proses pemeriksaan ini.
2. Jarum suntikan (sekiranya ada) akan dibuka dan staf bertugas akan memastikan kondisi anda dalam keadaan stabil sebelum meninggalkan jabatan.
3. Sekiranya anda menghadapi sebarang komplikasi atau masalah kesihatan, sila maklumkan kepada juru X-ray atau doktor yang bertugas.
4. Anda boleh terus makan selepas pemeriksaan.



### **PERHATIAN :**

Sila hubungi Kaunter Temujanji Jabatan Radiologi di talian **03-9769 9557/9535** sekiranya anda tidak dapat hadir pada tarikh yang telah ditetapkan/untuk sebarang pertanyaan berkenaan temujanji anda. Pihak kami berhak menunda, membatalkan atau menjadual semula temujanji sekiranya anda tiba lewat pada hari pemeriksaan.